

TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA PROFESOR TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN

NAIB CANSELOR

MAJLIS APRESIASI PENERBITAN UTeM 2021

22 Februari 2022, 3.00 Petang, Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi

اوینیورسیتی یتکنیکل ملیسیا ملاکو

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Terima Kasih Saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

YBhg. Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

YBhg. Profesor Madya Ts. Mohd. Rahimi bin Yusoff

Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

Yang Berusaha Encik Khairul bin Taib


Bendahari

Yang Berusaha En. Masdzarif bin Mahat
Ketua Pegawai Operasi

Yang Berusaha Encik Azman bin Hj. Ayup
Ketua Pustakawan

Yang Berusaha Prof. Dr. Mohd. Khanapi bin Abd Ghani
Ketua Pegawai Maklumat

Pegawai Kanan UTeM, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat kita berkumpul dan bertemu pada petang ini bagi menyempurnakan Majlis Apresiasi Penerbitan UTeM 2021.

Hadirin dan hadirat sekalian,

2. Majlis Apresiasi Penerbitan UTeM ini diadakan setiap dua tahun bertujuan untuk meraikan semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku di UTeM terutamanya para penulis dan ahli jawatankuasa yang terlibat iaitu Jawatankuasa Penerbitan Ilmiah Universiti dan Jawatankuasa Penerbitan Karya Kreatif.

3. Penerbitan buku terutamanya buku ilmiah bukan satu proses yang singkat namun ia mengambil masa yang panjang bermula daripada proses penulisan hingga proses penerbitan. Untuk menghasilkan sebuah buku yang baik dan sempurna sifatnya yang boleh dibaca oleh semua golongan bukanlah satu kerja yang mudah.
4. Banyak pihak yang terlibat dalam proses ini. Bermula daripada idea asal penulis, menjadi sebuah manuskrip sehingga menjadi sebuah buku yang berkualiti seperti yang akan dilancarkan sebentar lagi.
5. Dengan adanya penerbitan yang berkualiti dan diterima umum, ia akan menyemarakkan lagi industri perbukuan di UTeM sekali gus meningkatkan citra positif sebagai sebuah universiti teknikal yang pertama di Malaysia.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Industri perbukuan di seluruh dunia tidak pernah suram walau apa juga keadaan terutamanya ketika pandemik Covid-19 menjelaskan banyak industri lain bahkan ia semakin meluas dan dinamik seiring dengan normal baharu yang diamalkan ketika ini. Industri ini juga menggabungkan banyak kepakaran bermula daripada penulis yang menghasilkan manuskrip, penyunting yang menyunting manuskrip, pereka yang membuat reka bentuk dan susun atur halaman, pencetak, penjilid dan pengedaran buku oleh pengedar.

7. Tanpa usaha gigih dan penat lelah oleh semua pihak dalam industri ini, sudah pasti tidak akan berhasil sebuah buku yang menyimpan khazanah ilmu yang berharga untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

Hadirin dan hadirat sekalian

8. Pada tahun 2020, Kuala Lumpur telah dinobatkan sebagai Ibu Kota Buku Dunia (Kuala Lumpur World Book Capital) yang membuktikan pengiktirafan dunia kepada industri buku di Malaysia. Secara tidak langsung ia juga berjaya membuka mata dunia mengenai kualiti penerbitan buku dan taraf literasi di negara kita.

9. Sewajarnya peluang ini diambil untuk kita menggiatkan lagi penghasilan karya penulisan agar ianya selari dengan hasrat kerajaan menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.
10. Pada masa ini UTeM memiliki lebih 800 orang ahli akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan teknousahawan. Jika separuh daripada jumlah ini menerbitkan buku, saya pasti ia bukan sahaja dapat meningkatkan visibiliti negara bahkan UTeM juga pasti akan mendapat perhatian dunia terutamanya dalam bidang pendidikan.

11.Justeru itu saya menyeru semua warga universiti untuk menulis dan mendokumentasikan ilmu serta kepakaran yang dimiliki agar ia menjadi sebuah khazanah yang berharga dalam ilmu pengetahuan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

12.Akhir kata saya mengucapkan tahniah kepada penerima anugerah pada majlis hari ini kerana telah menunjukkan kesungguhan dan memainkan peranan besar untuk penerbitan universiti. Ucapan tahniah juga saya berikan kepada penulis buku yang akan dilancarkan pada petang ini yang telah berjaya menyemarakkan penghasilan buku di UTeM.

13. Syabas dan tahniah juga saya rakamkan kepada Penerbit UTeM dah ahli Jawatankuasa Penerbitan Ilmiah Universiti serta Jawatankuasa Penerbitan Karya Kreatif yang telah bertungkus-lumus selama ini dalam menyokong penerbitan buku di UTeM.
14. Dengan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim saya dengan ini merasmikan Majlis Apresiasi Penerbitan UTeM 2021 serta melancarkan buku terbitan terbaharu Penerbit UTeM Press.

Sekian, terima kasih.